

**SOALAN LAZIM (FAQ'S)  
BERKAITAN  
GARIS PANDUAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN (KREDIT KOMUNITI)  
(Dikemaskini pada 12.11.2020)**

BIL.	PERKARA
1.	Siapakah yang boleh memohon untuk menjalankan urusan pinjaman wang dalam talian?
	<b>Syarikat Kredit Komuniti yang telah memiliki Lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) sedia ada dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).</b>
2.	Apakah dokumen yang perlu dikemukakan?
	<p><b>Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berikut:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>a. Surat iringan permohonan Syarikat;</b></li> <li><b>b. Salinan Lesen Pemberi Pinjam Wang KPKT;</b></li> <li><b>c. Kertas Kerja cadangan urusan pemberian pinjaman wang dalam talian berdasarkan Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (Kredit Komuniti) (Boleh dimuat turun di dalam laman web KPKT);</b></li> <li><b>d. Salinan pendaftaran dengan Malaysia <i>Malaysia Network Information Center</i> (MYNIC) Berhad;</b></li> <li><b>e. Mengemukakan pelan praktikal cadangan laman/ aplikasi teknologi yang digunakan; dan</b></li> <li><b>f. Mengemukakan sijil keselamatan sistem.</b></li> </ul>
3.	Bagaimana permohonan boleh dibuat?
	<b>Pemegang Lesen PPW sedia ada boleh menghantar permohonan melalui pos atau serahan di Kaunter Aras 1, KPKT.</b>
4.	Di mana maklumat permohonan boleh diperolehi?
	<b>Maklumat permohonan boleh diperolehi melalui Laman Web KPKT di ruangan pautan dan hebahan.</b>
5.	Bagaimana proses kelulusan permohonan dilaksanakan?
	<b>Setiap permohonan akan disemak dan akan dinilai melalui satu Jawatankuasa dalaman yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penilaian Urusniaga Pemberi</b>

BIL.	PERKARA
	<p><b>Pinjaman Wang Dalam Talian (JPPPW) sebelum diangkat untuk kelulusan Pendaftar PPW. Proses permohonan ini akan mengambil masa 3 – 6 bulan sehingga kelulusan diberikan oleh Pendaftar.</b></p>
6.	<p>Bagaimanakah urusan ini dilaksanakan?</p>
	<p><b>Urusniaga pemberian pinjaman wang dalam talian boleh dilaksanakan sama ada menerusi laman web syarikat yang berdaftar atau menerusi aplikasi mobil yang dibangunkan syarikat.</b></p> <p><b>Urusniaga yang dijalankan ini perlu mematuhi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400], Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 dan dibaca bersekali dengan beberapa Akta lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan yang dibangunkan.</b></p>
7.	<p>Bagaimanakah untuk mengetahui status permohonan?</p>
	<p><b>Pihak KPKT akan mengemukakan satu surat kelulusan pemberitahuan kepada pemohon.</b></p>
8.	<p>Bilakah urusan pemberian pinjaman wang dalam talian boleh dipohon?</p>
	<p><b>a. Permohonan hanya dibuka kepada Pemegang Lesen PPW sedia ada dan perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (Kredit Komuniti) serta mengemukakan dokumen lengkap seperti di perenggan 2;</b></p> <p><b>b. Permohonan hanya boleh dimohon selepas enam (6) bulan dari tarikh Garis Panduan ini dilancarkan. Ini adalah kerana tempoh enam (6) bulan ini diperuntukkan kepada lapan (8) syarikat perintis yang diberi kelulusan bersyarat untuk membangunkan sistem/ aplikasi teknologi secara teratur dan memenuhi spesifikasi garis panduan yang ditetapkan; dan</b></p> <p><b>c. Sekiranya syarikat-syarikat tersebut memenuhi garis panduan tersebut, baharulah kelulusan penuh diberikan bagi menjalankan urusan pinjaman wang dalam talian.</b></p>
9.	<p>Adakah calon peminjam bagi urusan pinjaman wang dalam talian ini terbuka kepada sesiapa sahaja atau khusus kepada golongan tertentu? Contohnya terhad kepada warganegara Malaysia sahaja?</p>
	<p><b>Adalah dinasihatkan supaya pinjaman hanya diberikan kepada warganegara Malaysia dan pemastautin tetap sahaja serta beberapa had pinjaman yang</b></p>

BIL.	PERKARA
	ditetapkan oleh syarikat. (Contohnya satu peminjam had pinjaman hanyalah RM10,000.00 sahaja untuk satu borang perjanjian pemberian pinjaman).
10.	Adakah terdapat bayaran tambahan dikenakan untuk mendapatkan lesen urusan pemberian pinjaman wang dalam talian (Kredit Komuniti)?
	<b>Tiada caj atau bayaran tambahan yang dikenakan melainkan bayaran / fi yang ditetapkan oleh Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003.</b>
11.	Adakah terdapat sebarang surat atau lesen lain yang akan dikeluarkan oleh KPKT khusus untuk jenis perniagaan ini?
	<b>Ya. Surat dan lesen baharu dengan pindaan syarat lesen asal dengan kebenaran KPKT untuk menjalankan urusan pemberian pinjaman wang dalam talian akan dikeluarkan dan perlu dipamerkan di premis yang dilesenkan.</b>
12.	Bagaimanakah pemantauan dijalankan terhadap urusan yang dijalankan dalam talian?
	<b>KPKT dengan kerjasama pegawai kader Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan di KPKT akan melakukan pemantauan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Selain itu, bantuan atau kerjasama strategik dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi &amp; Multimedia akan sentiasa dijalankan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.</b>
<b>SENARAI PERKARA YANG TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH SYARIKAT KK</b>	
13.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melakukan urusan pemberian pinjaman wang dalam talian tanpa kelulusan KPKT;</li> <li>b. Tidak mematuhi arahan yang ditetapkan dalam Akta 400;</li> <li>c. Tidak mempamerkan lesen PPW yang dikeluarkan KPKT;</li> <li>d. Memohon deposit awal sebelum pinjaman dikeluarkan;</li> <li>e. Mengenakan caj faedah yang tinggi selain yang dibenarkan oleh Akta 400; dan</li> <li>f. Tidak memberi kerjasama kepada pihak penguatkuasa seperti PDRM dan PBT semasa melakukan pemeriksaan ke atas premis.</li> </ul>